

Persidangan Guru Pewaris Negara Peringkat Kebangsaan



Labuan, 29 Nov 2021- Pada 23-25 November 2021 diadakan Persidangan Guru Pewaris Negara Peringkat Kebangsaan bertempat Berjaya Times Square, Bukit Bintang, Kuala Lumpur. Persidangan ini dihadiri oleh wakil jawatankuasa Guru Pewaris Negara setiap negeri-negeri dan wilayah persekutuan seluruh Malaysia.

Jabatan Pendidikan Wilayah Persekutuan Labuan dibawah Pegawai Meja Guru Pewaris Negara WP Labuan iaitu Tuan Haji Minggu bin Haji Amat (Ketua Penolong Pengarah Hal Ehwal Murid) menghantar 6 orang guru dan seorang pegawai pengiring.

Pegawai pengiring ialah Puan Sadiyah binti Jakob (Penolong Pengarah Hal Ehwal Murid), Cikgu Anwar bin Ibrahim (Ketua Pengerak Guru Pewaris Negara WP Labuan) daripada Kolej Vokasional Labuan, Cikgu Saharuddin bin Bandung (Timbalan Ketua Pengerak GPN WP Labuan) daripada Kolej Vokasional Labuan, Cikgu Muhamad Hanafi bin Salim (Media GPN WP Labuan) daripada SK Sungai Lada, dan tiga orang AJK iaitu Cikgu Mohd Asyraf bin Abd Hamid daripada SK Sungai Berdaun, Cikgu Shafini Adhira binti Mohd Zaini daripada

SK Patau-Patau dan Cikgu Nor Hani binti Misbah daripada SK Patau-Patau.



Perwakilan dari Guru Pewaris Negara Wilayah Persekutuan Labuan

Sepanjang persidangan ini guru-guru dari perwakilan Guru Pewaris Negara setiap negeri dan wilayah dapat Bersama-sama pengurusan tertinggi Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) serta memberi maklumat terkini secara terus

daripada pengurusan tertinggi bagi kelancaran diperingkat pelaksana. Program seperti ini dapat merapatkan jurang KPM dan para guru.

Setiap tetamu persidangan akan berkongsikan tajuk-tajuk mengenai Pendidikan masa kini seperti Kesantuan Budi, Profesionalisme Keguruan, Human Governance dan Integriti, Keterampilan Guru, Motivasi dan Kreativiti Seorang Guru, Taklimat Pengoperasian Sekolah dan sesi libat urus bersama Menteri Kanan Pendidikan.



Sesi libat urus YB Senator Datuk Dr Radzi (Menteri Kanan Pendidikan), Datuk Yusran Shah (Ketua Setiausaha KPM), Datin Seri Nor Zamani (Ketua Pengarah Pendidikan Malaysia), Tuan Zainal Abas (Pengarah Bahagian Pengurusan Sekolah Harian

Program dahulu dikenai sebagai Guru Muda Malaysia dan sekarang dijenamaan semula kepada Guru Pewaris Negara. Guru Perwaris Negara ini bertujuan melahirkan pemimpin pelapis yang memahami dasar, semangat jati diri dan patriotik, kreatif, berbakat, semangat kesukarelawanan dalam kalangan guru melalui bimbingan guru berpengalaman. Pelbagai aktiviti dirancang mengikut kluster seperti Kluster Profesionalisme, Kluster Perpaduan, Kluster

Riadah dan Sosial, Kluster Kebajikan dan Kluster Kepimpinan.

Guru-guru di Wilayah Persekutuan Labuan boleh mengikuti laman Facebook (Guru Pewaris Negara – WP Labuan) bagi mendapatkan maklumat terkini dan program-program yang bakal diadakan pada masa akan datang.

#GuruPewarisNegara

#SekolahKuSEJAHTERA

#NothingBeatsHardWork